

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 25 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1432-MQT0978
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi Pegawai Perubatan Kontrak kemudahan yang setara dengan Pegawai Perubatan Tetap memandangkan mereka juga memberikan perkhidmatan yang sama kepada masyarakat di Malaysia.

2. PR-1432-MQT0981
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan inisiatif-inisiatif dan rancangan-rancangan Kementerian baharu ini untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

3. PR-1432-MQT0977
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah harga siling pelitup muka 3 lapis pada RM1 yang berkuat kuasa pada ketika ini akan diturunkan lagi secara berperingkat pada masa akan datang memandangkan bekalan pelitup muka adalah mencukupi dan harga pasaran semasa adalah jauh lebih murah daripada harga siling ini.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 25 OGOS 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 24

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09700
Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan lebih banyak program perumahan rakyat di Sabah dan apakah status permohonan rumah mesra rakyat dan rumah mampu milik di Sabah.

2. PR-1432-L09108
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk menjamin bekalan air yang secukup untuk negeri Kedah termasuk Pulau Langkawi pada musim kemarau serta dalam jangka masa yang panjang.

3. PR-1432-L09662
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mekanisme yang digunakan oleh Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional untuk memastikan inisiatif-inisiatif dalam PENJANA akan memberi manfaat kepada pihak yang layak secara menyeluruh.

4. PR-1432-L08841
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah mereka yang tidak ada kewarganegaraan (*stateless*) di Malaysia. Nyatakan kriteria atau syarat-syarat lain yang telah ditentukan oleh Kerajaan untuk mereka ini mendapat kewarganegaraan selepas mereka telah memenuhi syarat-syarat mandatori yang telah ditentukan di bawah Perlembagaan Malaysia.

5. PR-1432-L09808
Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah bantuan-bantuan yang telah disalurkan kepada golongan penjaja dan peniaga industri kecil dan sederhana. Berapakah jumlah peniaga yang telah mendapat manfaat dari bantuan-bantuan ini.

6. PR-1432-L09091
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah-langkah yang telah dirancang untuk mengatasi masalah bekalan air bersih di Sabah terutamanya di kawasan yang jauh daripada sumber air sungai bersih seperti di pulau dan kawasan pedalaman.

7. PR-1432-L08970
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah amaun penjimatan oleh Kerajaan dengan penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (PDP) Pan Borneo Sarawak. Dan bilakah jangkaan Projek Pan Borneo Sarawak akan siap sepenuhnya.

8. PR-1432-L09009
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional memberi peluang berkali-kali kepada PATI untuk diputihkan (*rehiring*) dan bekerja secara sah di Malaysia seperti '*moving goal post*' sedangkan kadar pengangguran di Malaysia kian meningkat.

9. PR-1432-L08789
Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan :-
 - (a) Usaha-usaha Kementerian dalam membantu usahawan luar bandar yang terkesan akibat pandemik COVID-19; dan

- (b) langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian bagi mempromosikan produk yang dihasilkan oleh usahawan luar bandar secara atas talian.
10. PR-1432-L09252
Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk memastikan pasaran sewa rumah kediaman berada dalam kemampuan kebanyakan rakyat.
11. PR-1432-L09909
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk melebarkan jalan raya Persekutuan di Bintulu dalam masa terdekat ini memandangkan Bintulu pesat membangun dan jalan sudah tidak dapat menampung keperluan penduduk Bintulu; dan
- (b) berapa jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak untuk tahun 2020 bagi tujuan penyelenggaraan jalan kampung di luar bandar terutamanya di Bintulu.
12. PR-1432-L09855
Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan persediaan Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) untuk beroperasi semula. Bagaimana Kementerian memastikan pembelajaran pelajar di Tabika KEMAS tidak terjejas sepanjang tempoh tidak bersekolah kerana COVID-19.
13. PR-1432-L08721
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di bahagian manakah jumlah tangkapan penyalahgunaan dadah yang tertinggi di negeri Sarawak.
14. PR-1432-L09351
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) jumlah pekerja yang dilindungi oleh Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) dan telah dilatih pada masa sekarang jika dibandingkan dengan tahun 2019; dan

- (b) berapa anggaran pekerja yang akan dilatih oleh HRDF dari tahun 2020 hingga 2023 dan nyatakan anggaran tersebut mengikut tahunan.
15. PR-1432-L09137
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan rancangan Kementerian bagi menghadapi cuaca ekstrem akibat daripada pemanasan global yang telah menyebabkan penyusutan sumber air negara sehingga terpaksa dicatu seperti yang berlaku di Melaka awal tahun ini.
16. PR-1432-L08859
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan program mewajibkan anggota polis lulus ujian indeks jisim badan (BMI) dan ujian kesihatan sebagai syarat kenaikan pangkat telah pun dilancarkan oleh PDRM kerana masalah obesiti akan menjejaskan imej pasukan polis negara:-
- (a) kenapa sejumlah melebihi 10,000 pegawai dan anggota polis masih dikategorikan gemuk atau obes; dan
- (b) apa ketinggian dan berat ideal wajib pada anggota polis.
17. PR-1432-L09914
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status semasa pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) untuk kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar.
18. PR-1432-L09014
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasional pemilikan rumah oleh warga asing diturunkan daripada RM1 juta kepada RM600 ribu sedangkan masih ramai rakyat Malaysia yang tidak mempunyai rumah.
19. PR-1432-L08796
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada cadangan untuk mewujudkan pondok polis di Meligan/Long Pasia, Sipitang sebagai persiapan negara kita menghadapi cabaran isu keselamatan, apabila Kalimantan dijadikan sebagai ibu kota baharu Indonesia.

20. PR-1432-L10005
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan terkini penyelenggaraan jalan-jalan raya kerana kelihatan di sana-sini jalan-jalan raya tidak terurus, rumput dan pokok panjang di median jalan. Ini jelas kelihatan di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR@) walaupun ianya terletak di dalam kota raya Kuala Lumpur.
21. PR-1432-L09784
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) unjuran jumlah pekerja-pekerja warganegara, pekerja asing mengikut sektor industri yang akan hilang pekerjaan dari tempoh Jun sehingga Disember 2020 mengikut industri; dan
 - (b) berapa jumlah yang telah hilang pekerjaan sejak dari bulan mac hingga sekarang mengikut warganegara, pekerja asing dan mengikut sektor industri.
22. PR-1432-L09561
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah untuk mengembangkan atau menaik taraf keupayaan teknologi, '*internet of things*' dan mendokong keperluan infrastruktur teknologi industri 4.0 bagi meningkatkan keupayaan usahawan serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seiring dengan perubahan ekosistem perniagaan pasca COVID-19 .
23. PR-1432-L09723
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai mekanisme khusus dalam memastikan golongan belia khususnya graduan mendapat lebih manfaat menerusi Program Latihan Penjana Kerjaya.
24. PR-1432-L09742
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) apakah status penggubalan Rang Undang-Undang IPCMC dan reformasi utama yang akan dicadangkan; dan
 - (b) bilakah ia akan dibentangkan.

25. PR-1432-L10061

Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) berapa banyak rumah PPR (disewa) yang telah dibina di Sabah sejak diperkenalkan pada Februari 2002 bertujuan untuk disewakan kepada golongan sasaran (golongan yang berpendapatan rendah dan setinggian); dan
- (b) setakat ini berapa orang penyewa yang telah dikenal pasti menyewakan rumah PPR ini kepada orang lain bagi maksud keuntungan dan adakah pihak yang berwajib pernah membuat 'spotcheck' untuk memastikan tiada rumah PPR ini disalah gunakan.

26. PR-1432-L09073

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah akan dibina jalan menghubungkan perkampungan masyarakat Orang Asli di Pos Lemoi, Cameron Highlands ke jajaran utama jalan Ringlet ke Sungai Koyan. Jika ada, bila projek tersebut akan dilaksanakan.

27. PR-1432-L09873

Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Majlis Amanah Rakyat (MARA) bercadang akan memberhentikan program tajaan pelajar ke luar negara berikutan penularan wabak COVID-19. Dan apakah status pelajar tajaan luar negara yang masih belum menamatkan pengajian mereka.

28. PR-1432-L09683

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian di bawah Pelan Rangsangan Ekonomi (PRE) dan PENJANA untuk membantu para majikan dan golongan pekerja yang terkesan akibat wabak COVID-19.

29. PR-1432-L08737

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan terhadap bencana tsunami serta apakah langkah kerjasama antara Malaysia dengan *South China Sea Tsunami Advisory Center (SCSTAC)* yang baru beroperasi pada 5 November 2019.

30. PR-1432-L08954
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang dilakukan Kementerian di dalam membantu membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi menampung kesan pengangguran dijangka meningkat 17.1% atau bersamaan 610,500 orang penganggur berdasarkan Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia bertarikh 8 Mei 2020.
31. PR-1432-L08812
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di setiap penjara dan depot:-
- (a) berapa jumlah terkini banduan, tahanan dan reman mengikut kaum, umur, jantina dan negara asal; dan
 - (b) reman yang paling lama sehingga kini adalah berapa tahun dan mengapa sekian lama masih dalam tahanan reman.
32. PR-1432-L09180
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan penuh dan lengkap mengenai cadangan pemberian tanda pengenalan diri IMM13 kepada pelarian perang Filipina, pendatang tanpa izin dan golongan yang dikategorikan sebagai orang tidak bernegara (*stateless people*) yang ramai terdapat di Sabah. Apakah kajian terperinci dan sesi libat urus bersama pemegang taruh (*stakeholders*) penduduk tempatan negeri Sabah telah dilaksanakan dan dapatan yang positif terhadap impak sosial kepada penduduk tempatan telah diambil kira.
33. PR-1432-L09244
Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan projek-projek sistem perparitan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) dan status terkini bagi mengelakkan banjir kilat dan banjir besar berlaku di Parlimen Raub. Apa tindakan jangkamasa pendek dan panjang yang telah dibuat.
34. PR-1432-L09958
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status permohonan yang dikemukakan kepada Menteri Dalam Negeri pada 2019 bagi menghapuskan sekatan ke atas buku '*The Golden Son of the Kadazan*' tulisan Bernard Sta Maria yang merupakan biografi seorang bekas ahli kabinet Kerajaan Negeri Sabah iaitu mendiang Datuk Peter Mojuntin.

35. PR-1432-L09225
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah Kerajaan Perikatan Nasional berhasrat untuk menyempurnakan projek tebatan banjir Sungai Pinang di Jelutong yang telah dimulakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.
36. PR-1432-L09255
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah dan panjang pelbagai kategori jalan raya di Sabah yang belum berturap dan kenapa jalan-jalan berturap begitu cepat rosak sehingga berlubang-lubang.
37. PR-1432-L08884
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk menjelaskan bagaimanakah RM1 juta yang di derma oleh Syarikat ECK Development Sdn Berhad kepada persatuan yang dibentuk oleh Menteri, Penggerak Komuniti Negara, telah digunakan dan apakah langkah yang diambil bagi membendung sumbangan sebegini yang menimbulkan isu "*conflict of interest*".
38. PR-1432-L09401
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah warga asing yang ditahan semasa serbuan imigresen dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut pecahan kewarganegaraan, umur, jantina, depot tahanan, dan sebab penahanan tersebut.
39. PR-1432-L09524
Puan Yeo Bee Yin [Bakri] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk membentangkan Rang Undang-Undang Jerebu Merentas Sempadan ke Parlimen pada tahun ini sebelum musim kering dan berikan garis masa untuk RUU ini dibentangkan.
40. PR-1432-L08895
Tuan Jugah anak Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah pendatang asing (sama ada tanpa izin, pelarian dan lain-lain) yang berdaftar dan tidak berdaftar di dalam rekod agensi Kerajaan bagi Parlimen Lubok Antu dan langkah yang diambil untuk mengurangkan kebanjiran pendatang asing di kawasan Lubok Antu.

41. PR-1432-L09257
Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan mengikut kategori kewarganegaraan yang diterima dan melebihi tempoh masa 1 tahun. Apakah langkah yang diambil dan tempoh masa yang diperlukan untuk menyelesaikan kes-kes permohonan yang belum selesai.
42. PR-1432-L09711
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan peratusan peniaga industri kecil dan sederhana yang berjaya meneroka pasaran antarabangsa dan apakah sasaran serta persiapan yang dilakukan oleh pihak Kementerian selepas selesai isu COVID-19 bagi meningkatkan kapasiti peniaga IKS ini.
43. PR-1432-L08784
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan isu ladang-ladang yang telah dijual di negara ini tanpa diberi pampasan mengikut hak asasi manusia, apatah lagi ramai pekerja telah ditipu oleh majikan dan orang tengah. Contohnya, di kawasan Parlimen Padang Serai, hampir 25 tahun Ladang Padang Meiha telah dijual namun pampasan untuk pekerja ladang tersebut masih belum dijelaskan walaupun keputusan mahkamah telah dikeluarkan. Maka, saya mencadangkan agar Kementerian menubuhkan satu suruhanjaya siasatan bagi menyelesaikan isu ini dan sekali gus mendapatkan keadilan bagi semua pekerja ladang tersebut.
44. PR-1432-L(5)00060
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) jumlah dan kos projek naik taraf Kampung Baru Cina yang telah dicadangkan atau dirancang di Melaka untuk 2018, 2019 dan 2020; dan
 - (b) berapa jumlah dan kos projek-projek tersebut yang telah dilaksanakan untuk tahun 2018, 2019 dan 2020 dan sebab-sebab utama projek-projek lain belum terlaksana.
- [Pertanyaan di bawah PM.22(5)]**
45. PR-1432-L09828
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memansuhkan atau meminda Akta Hasutan 1948.

46. PR-1432-L09064

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian menyediakan bantuan atau insentif khas kepada pengusaha Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA) swasta yang turut terkesan akibat pandemik COVID-19 di mana mereka tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

47. PR-1432-L08909

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia sedang membantu Indonesia memulihkan paras air bawah tanah (*groundwater level*) di kawasan-kawasan tanah gambut yang mudah terbakar setiap kali musim kemarau.

48. PR-1432-L09333

Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan bahawa banyak ban-ban pertanian yang telah rosak akibat hakisan pantai atau tindakan ombak laut seperti yang terjadi terutamanya di Kampung Paloh, Kedang, Sebako, Penibong, Betanak, Salah Kecil, Penipah, Tekajong dan Bruit. Adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membaiki dan menaik taraf ban-ban pembinaan ban pertanian serta struktur kawalan air laut secara menyeluruh, supaya aktiviti pertanian penduduk di kawasan tersebut dapat dimajukan lagi.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi**
 - * Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|------------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R 6/2020) | Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 2. | (D.R 5/2020) | Rang Undang-undang Insolvency (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (DR.3/2020) | Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Pengangkutan] | |
| 4. | (D.R 8/2020) | Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 5. | (D.R 9/2020) | Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 6. | (D.R 10/2020) | Rang Undang-undang Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 7. | (D.R 37/2019) | Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 | " |
| | | [Menteri Kesihatan] | |
| 8. | (D.R 42/2019) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 9. | (D.R. 25/2019) | Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM25,800 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM12,500 juta dari Jun sehingga Disember 2019 dan RM13,300 juta dari Januari sehingga Jun 2020 ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

11. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(1) dan subseksyen 91u(1)(a), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.55 dan ST.56 bagi tahun 2020 disahkan."

12. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) dan subseksyen 163R(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.48, ST.49, ST.50, ST.51, ST.52, ST.53, ST.54, ST.80, ST.81, ST.82 dan ST.83 bagi tahun 2020 disahkan."

13. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.57 bagi tahun 2020 disahkan."

14. PR-1432-UL064

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

15. PR-1432-U(27)116

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah."

[Perdana Menteri]

16. PR-1432-U(27)114

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

17. PR-1432-U(27)115

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

18. PR-1432-U(27)119

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

19. PR-1432-U(27)120

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

20. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula 'Free Flow 2KM ' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "Free Flow" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

21. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

22. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

23. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

24. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

25. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

26. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

27. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

28. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

29. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing , Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

30. PR-1432-U(27)129
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."
[Perdana Menteri]
31. PR-1432-U(27)132
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."
[Perdana Menteri]
32. PR-1432-U(27)131
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-
"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVIC-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

33. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

34. PR-1432-U(27)133

Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu mengkaji semula dan mempertimbangkan cadangan untuk memanjangkan tempoh moratorium pinjaman kepada semua pihak tanpa mengira *status quo* bagi suatu tempoh yang difikirkan sesuai. Hal ini kerana krisis pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 telah menjejaskan pendapatan sebilangan besar rakyat Malaysia. Kebelakangan ini, kes jangkitan COVID-19 baharu juga telah menunjukkan peningkatan dan keadaan ini berpotensi untuk Kerajaan mengetatkan semula PKP yang akan memperlahankan aktiviti ekonomi."

[Menteri Kewangan]

35. PR-1432-U(27)134

Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membawa isu bagi mempertimbangkan dan mengembalikan semula cuti sekolah pada hujung tahun sebagai langkah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara dan memperkasakan ekonomi rakyat. Dengan mengembalikan cuti sekolah pada hujung tahun, kita boleh jangkakan bahawa rakyat akan mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung halaman dan berkunjung ke tempat-tempat pelancongan dalam negara. Hal ini akan merancakkan sektor pelancongan dan ekonomi luar bandar yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Cuti sekolah pada hujung tahun sememangnya telah terbukti suatu tempoh yang ditunggu-tunggu oleh para pemain industri dari pelbagai sektor, khususnya sektor pelancongan."

[Menteri Pendidikan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 11	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Bagi Tahun 2018	25 Ogos 2020
ST. 30	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan Bagi Tahun 2018	25 Ogos 2020
ST. 62	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2018	25 Ogos 2020
ST. 86	Akta Ekstradisi 1992 Perintah Ekstradisi (Republik Islam Pakistan) 2020 Subseksyen 2(1) Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479)	25 Ogos 2020
ST. 92	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2018	25 Ogos 2020

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 25.08.2020 (Selasa)	1. YB Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)	1. Desakan Untuk Memansuhkan Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU)	1. YB Menteri Pengajian Tinggi
2. 25.08.2020 (Selasa)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Pemansuhan Petak-Petak Tempat Letak Kereta Di Jalan Dunlop, Bandar Tawau	2. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**